



Yayasan Waqaf Malaysia

KENYATAAN MEDIA

YAYASAN WAQAF MALAYSIA RAIH ANUGERAH ASIA PACIFIC ENTERPRISE AWARD 2025 (APEA 2025) KATEGORI INSPIRATIONAL BRAND

Yayasan Waqaf Malaysia Bawa Inspirasi Jenama Wakaf di Pentas Global

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) sekali lagi melakar sejarah apabila dinobatkan sebagai penerima *Asia Pacific Enterprise Awards (APEA) 2025* bagi kategori *Inspirational Brand*, sekali gus mengangkat nama Malaysia di pentas antarabangsa sebagai peneraju inovasi wakaf di Malaysia.

Pengiktirafan berprestij ini merupakan bukti komitmen YWM sebagai entiti wakaf kebangsaan yang sentiasa memperkasa peranan wakaf dalam membina kesejahteraan masyarakat, mengukuhkan ekonomi ummah serta menyumbang kepada agenda pembangunan negara.

Kejayaan ini seiring dengan aspirasi Malaysia Madani, yang menekankan nilai kesejahteraan, keadilan sosial dan kemampanan. Melalui inisiatif berterusan di bawah Pelan Al-Falah, YWM bukan sahaja mengurus wakaf sebagai instrumen kewangan Islam, tetapi juga memanfaatkannya dalam bidang pendidikan, kesihatan, pemerkasaan ekonomi, pemeliharaan persekitaran dan pembangunan komuniti.

YBr. Dr. Ridzwan Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif YWM menyifatkan pengiktirafan ini adalah milik seluruh rakyat Malaysia yang sentiasa menyokong perjuangan wakaf sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi negara. YWM akan terus melangkah ke hadapan dengan visi menjadikan Malaysia sebagai hab wakaf terkemuka dunia dan usaha ini perlu mendapat sokongan berterusan daripada semua pihak.

YWM telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik seperti pembangunan hartanah wakaf, wakaf pendidikan, wakaf kesihatan, wakaf kelestarian alam sekitar serta kerjasama pintar bersama sektor awam dan swasta. Pendekatan inovatif ini telah menjadikan wakaf sebagai pemangkin ekonomi inklusif dan mampan yang memberi manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama.

Anugerah APEA 2025 ini bukan sahaja mengiktiraf YWM sebagai jenama inspirasi di rantau Asia Pasifik, malah turut mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai model unggul dalam mengangkat wakaf ke peringkat global.

-TAMAT-

**Yayasan Waqaf Malaysia
4 September 2025**

Maklumat Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258].

Antara pencapaian terhebat, YWM telah berjaya merangkul Industry Outstanding Award (ASEAN Islamic Financial Services) di Malaysia Industry Award (MINDA) 2025. Selain itu, YWM turut merangkul Johan Anugerah Inovasi JPM 2024 (Trek Ekonomi) bagi produk iaitu Pengaplikasian Wakaf Muaqqat dalam Pelaksanaan Program iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur dan tempat ketiga Anugerah Inovasi JPM 2024 (Trek Sosial) bagi produk Masjid Hijau: Pembiayaan Alternatif Sektor Teknologi Hijau Melalui Wakaf. Dengan lebih 20 inovasi produk wakaf yang telah dilancarkan bersama rakan-rakan strategik jelas membuktikan jenama wakaf yang dibawa YWM mendapat keyakinan dan berpotensi tinggi untuk dibawa ke peringkat global yang bakal memberi impak demi kesejahteraan manusia sejagat.

Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM dan berwakaf, sila layari www.ywm.gov.my.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan
Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Eksekutif Media Bahagian Pemasaran dan
Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my